

04/12/2000

Pastikan golongan layak dapat bantuan

RAMADAN adalah bulan untuk umat Islam memperbanyakkan ibadah dan amal jariah. Seiring dengan keperluan berpuasa dengan berlapar dan dahaga untuk membangkitkan keinsafan ramai terhadap kedaifan golongan fakir dan miskin, sedekah dan bantuan sangat dituntut daripada mereka yang berkemampuan. Dalam hubungan ini, sebagaimana ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu, kerajaan negeri perlu menguruskan akaun dana kebajikan Islam, termasuk pungutan zakat, secara lebih telus.

Ketelusan, dalam soal ini, lebih berkait rapat kepada jumlah kutipan zakat dan sumbangan kepada siapa ia diagihkan. Di sebalik peratus kemiskinan yang kian berkurangan saban tahun, masih ramai yang memerlukan bantuan dan pembelaan. Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk meringankan beban ibu tunggal yang kematian suami, ketua keluarga yang hilang upaya dalam menyara anak serta anak yatim yang tidak harus dinafikan kebahagiaan dan kegembiraan kerana tidak semua yang mendapat agihan sumbangan dan bantuan.

Dalam hubungan ini, adalah perlu buat kerajaan negeri dan agensi berkaitan mengambil langkah proaktif. Mereka yang layak mendapat bantuan hendaklah dikenal pasti secara menyeluruh dengan harapan jumlah yang tercicir dapat dikurangkan ke paras paling minimum tanpa hanya bergantung kepada kisah penderitaan keluarga tertentu dalam akhbar semata-mata. Budaya bersedekah atau beramal jariah bukan hanya harus disuburkan, malah hendaklah memberi manfaat kepada golongan sasaran.

(END)